



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PEMAKLUMAN MENGENAI OPERASI MAHKAMAH SEMASA TEMPOH PERINTAH  
KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

Sehubungan dengan Perutusan Khas oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia pada 7 Jun 2020 berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan dan kenyataan oleh YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara bertarikh 8 Jun 2020, dimaklumkan bahawa YAA Tan Sri Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara telah mengarahkan untuk semua Mahkamah beroperasi secara sepenuhnya bermula 1 Julai 2020.

Badan Kehakiman Malaysia sentiasa komited dalam memastikan pelaksanaan penyampaian perkhidmatan keadilan diteruskan, namun pada masa yang sama akan memastikan segala garis panduan keselamatan dan kesihatan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa dipatuhi bagi mencegah penularan wabak COVID-19 semasa menjalankan operasi Mahkamah.

Terima kasih

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

**Tarikh: 9 Jun 2020**